



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 OGOS 2017 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Utusan Malaysia**

- |                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| - Kemelut setinggan Kg. Pasir selesai | 28 |
|---------------------------------------|----|

**Harian Metro**

- |  |    |
|--|----|
| - Penutupan Jalan untuk kayuhan santai | 34 |
|--|----|

**Kosmo**

- |         |    |
|---------|----|
| - Aduan | 20 |
|---------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 OGOS 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kemelut setinggan Kg. Pasir selesai
Muka Surat	28

## Kemelut setinggan Kg. Pasir selesai

4M MIS 28 /8/2017



**KERJA-KERJA** merobohkan premis setinggan di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang, Selangor, berjalan lancar tanpa sebarang insiden kelmarin. -UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

**AMPANG JAYA 17 Ogos** - Sebanyak 39 premis setinggan di persimpangan selekoh Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Klang di sini dirobohkan pihak berkuasa bagi membolehkan Projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dijalankan dengan segera.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa dan Hasil Persekutuan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG), Mohd. Rashidi Ruslan berkata, operasi itu merupakan kali kedua selepas operasi pertama ditangguhkan.

"Tapak ini telah dibuat pengambilan tanah oleh kerajaan dan bayaran pampasan diberikan kepada semua pihak berkepentingan di atas tapak tersebut.

"Bagaimanapun, terdapat 39 premis menduduki tapak berkenaan tanpa kebenaran yang sah daripada pihak kerajaan," katanya kepada pemberita semasa operasi perobohan itu semalam.

Terdahulu, kerja-kerja merobohkan struktur premis tersebut yang wujud sejak tiga dekad lalu itu berjalan dengan lancar tanpa sebarang kekecohan seperti yang

berlaku pada awal bulan lalu.

Menurut Mohd. Rashidi, notis pengosongan tapak dikemukakan kepada semua pemilik struktur pada 20 Ogos 2016 dan 20 Jun lalu oleh Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

"Operasi kali ini selaras dengan Seksyen 426A, Kanun Tanah Negara 1965. Kerajaan Persekutuan mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa kerajaan negeri melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dan telah bersetuju menjalankan operasi tersebut dengan segera," katanya.

Tambahnya, pihak konsesi, Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB) bersetuju memberikan wang sagu hati bernilai RM8,000 kepada setiap pemilik struktur berdasarkan budi bicara dengan persetujuan Mesyuarat MTES.

"Projek EKVE perlu dilaksanakan segera kerana telah lewat jadual selama 10 bulan berikut pendudukan secara tidak sah ini. Pelaksanaan projek tersebut akan mengurangkan kesesakan jalan raya dan memberi manfaat kepada penduduk setempat serta kawasan sekitarnya," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**18 OGOS 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Penutupan Jalan untuk kayuhan santai
Muka Surat	34

**Penutupan jalan untuk kayuhan santai** Hm m1534  
18/8/2017

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memaklumkan satu program Kayuhan Santai Jalur Gemilang dan berjalan 10,000 langkah akan diadakan pada 20 Ogos 2017. Ia menjadi program tahunan dan ia kali kelima sempena menyambut Hari Kebangsaan.

Antara objektif program ialah membimbing masyarakat memotivasi diri dan bersikap positif dalam menyertai program kemasyarakatan serta meningkatkan semangat patriotik cintakan negara dan merapatkan hubungan MPAJ dan masyarakat setempat.

Sehubungan itu, beberapa jalan akan

ditutup sepenuhnya atau sebelah jalan sementara iaitu sekitar 10 hingga 15 minit secara berperingkat bermula 7.30 pagi hingga 9.30 pagi.

Antara jalan dan simpang yang terbabit dari susur masuk dari MRR2 ke Jalan Pandan Indah, Jalan Pandan Utama, Jalan Pandan Mewah, Jalan Taman Putra, Jalan Ampang, Jalan Wawasan Ampang dan Jalan Ampang Campuran.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Pegawai Komunikasi Korporat, Norhayati Ahmad di talian 019-3839408 atau Bahagian Perhubungan Awam dan Sekretariat di talian 03-42973753.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
18 OGOS 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Aduan
Muka Surat	20

■ PIHAK berkuasa perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemilik kenderaan yang sering meletakkan kosmo kenderaan di luar kotak parkir sehingga mengganggu pengguna m/s 20 lalu lintas di Pandan Perdana, Kuala Lumpur. >MANIS